



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

DOKTOR PAKAR DITUDUH MELAKUKAN PENGELAKAN CUKAI DI BAWAH AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

SHAH ALAM 22 Februari – Seorang doktor pakar jantung dihadapkan di Mahkamah Majistret Trafik & Juvana pada hari ini atas tujuh (7) pertuduhan melakukan pengelakan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP1967).

Dr Ahmad Nizar Jamaluddin, 56 tahun didapati telah secara sengaja dan dengan niat untuk mengelak cukai dengan tidak mengisytiharkan pendapatan yang diterima daripada perkhidmatan sebagai doktor pakar sebanyak RM2,763,445.00 bagi tahun taksiran 2007, 2008, 2009, 2010, 2011, 2012 dan 2013 yang merupakan kesalahan di bawah seksyen 114(1) (a) ACP 1967 .

Jika disabitkan kesalahan, tertuduh boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari RM1,000.00 dan tidak lebih dari RM20,000.00 atau penjara bagi suatu tempoh tidak lebih dari tiga tahun atau kedua-duanya sekali dan hendaklah membayar penalti khas tiga kali ganda dari amaun cukai terkurang yang keseluruhannya berjumlah sebanyak RM2,189,904.75.

Tertuduh yang tidak hadir dan diwakili oleh ejen cukai mengaku tidak bersalah di hadapan Majistret Tuan Khairul Nizam Abu Bakar terhadap kesemua pertuduhan yang dikenakan terhadap tertuduh dan mahkamah menetapkan tarikh sebutan semula pada 15 Mac 2017.

Pendakwaan dikendalikan oleh Peguam Kanan Hasil Puan Norzilah binti Abdul Hamid dan dibantu oleh Puan Nor Asmah Adam manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 22 Februari 2017.